# INTRODUCTION

TO

# BAHASA MALAYSIA



SATU – ONE



DUA – TWO



TIGA –THREE



EMPAT – FOUR



LIMA – FIVE



ENAM – SIX



TUJUH – SEVEN



LAPAN- EIGHT



SEMBILAN-NINE



SEPULUH - TEN

1. <u>MENGIRA HINGGA SEPULUH – COUNTING TO TEN</u>

PERBENDAHARAAN KATA – VOCABULARY

| Bahasa Melayu | English | Bahasa Melayu | English |
|---|---|---|---|
| **1. mengira** | **Counting** | **13. biar** | **Let** |
| **2. awak/anda/ kamu** | **You** | **14. sebut/kata** | **Say** |
| **3. tahu** | **Know** | **15. nombor** | **Number** |
| **4. tidak** | **No** | **16. okay** | **Okay** |
| **5. tetapi** | **But** | **17. dengar** | **Listen** |
| **6. saya** | **I** | **18. hati-hati** | **Careful** |
| **7. boleh** | **Can** | **19. lagi** | **Again** |
| **8. untuk** | **For** | **20. ulang** | **Repeat** |
| **9. tolong** | **Please/help** | **21. sekarang** | **Now** |
| **10. baiklah** | **All right** | **22. cuba** | **Try** |
| **11. sangat** | **Very** | **23. terima kasih** | **Thank you** |
| **12. baik/bagus** | **Good** | **24. selepas** | **After** |

**<u>Teks – text</u>**

**A: Tahukah awak mengira satu hingga sepuluh**
*(Do you know how to count to ten)*

**B: Tidak, tetapi saya boleh mengira hingga lima**
*(No, but I can count to five)*

**A: Tolong kira hingga lima untuk saya**
*(Count to five for me, please)*

**B: Baiklah, satu, dua, tiga, empat, lima**
*(All right, one, two, three, four, five)*

**A: Itu sangat bagus**.
*(That is very good)*

B: **Bolehkah awak mengajar saya mengira hingga sepuluh**?
(*Can you teach me to count to ten?)*

A: **Ya, ianya sangat senang. Biar saya sebutkan nombor-nombornya untuk awak.**
(*Yes, it is very easy. Let me say the numbers for you)*

B: **Okay dan saya akan mendengarnya dengan berhati-hati.**
(*Okay, and I will listen carefully)*

A: **Enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh**
(*Six, seven, eight, nine, ten)*



B**: Boleh awak tolong sebutkannya lagi?**
*(Can you say them again?)*

**Ulang selepas saya. Enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh**.
(*Repeat after me. Six, seven, eight, nine, ten)*

B: **. Enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh**.
*( Six, seven, eight, nine, ten)*

A**: Bagus, sekarang cuba mengira hingga sepuluh**.
*( Good, now try to count to ten.)*

**B: Saya akan cuba, satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh.**
*(I will try. One, two, three, four, five, six, seven, eight, nine, ten)*

**A: Itu sangat bagus.**
*(That is very good)*

## 2. TEMUJANJI – APPOINTMENT

### PERBENDAHARAAN KATA – VOCABULARY

| **Bahasa Melayu** | English | **Bahasa Melayu** | English |
|---|---|---|---|
| **1. maaf** | Sorry/excuse | **15. pengetua/ guru besar** | Headmaster/ Headmistress |
| **2. berapa/apa** | What | **16. dari** | from |
| **3. lihat** | See/look | **17. mari/datang** | come |
| **4. jam tangan** | Watch | **18. lagi** | again |
| **5. jam** | Clock | **19. jumpa** | meet |
| **6. besar** | Big | **20. tahun** | year |
| **7. lambat/lewat** | Late | **21. tujuh belas** | seventeen |
| **8. pergi** | Go | **22. kelas** | Class |
| **9. masa/pukul/ waktu** | time | **23. tingkatan** | Form/grade |
| **10. dengan** | With | **24. nama** | Name |
| **11. pelajar** | Student | **25.sekolah** | School |
| **12. baru** | New | **26. usia/umur** | Age |

<u>Teks - Text</u>

**Peter: Maafkan saya, boleh saya tahu pukul berapa sekarang**?
*(Excuse me, may I know what time is it now?)*

**Ali: Maaf, saya tidak ada jam tangan tetapi mari kita lihat jam besar di hadapan bangunan sekolah.**
*(Sorry, I do not have a watch but come let us look at the big clock in front of the school building)*

**Peter: Jam itu menunjukkan pukul berapa?**
*(What time does the clock says?)*

**Ali: Ia menunjukkan pukul dua. Awak hendak ke mana?**
*(It says that it is two o'clock. Where are you going?)*

**Peter: Saya sudah terlewat. Saya ada temujangi dengan pengetua**.
*(I am already late. I have an appointment with the principal)*
**Ali: Adakah awak pelajar baru di sekolah ini?**
(*Are you a new student in this school?)*

**Peter: Ya, saya pelajar baru di sekolah ini.**
*(Yes, I am a new student in this school).*

**Ali: Saya juga pelajar di sekolah ini. Nama saya Ali.
Bolehkah saya tahu nama awak?**
*(I am also a student of this school. My name is Ali. May I know your name?)*

**Peter: Saya Peter.**
*(I am Peter)*

**Ali: Di mana kelas awak?**
(Where is your class)

**Peter: Saya dalam tingkatan empat A tetapi umur saya sudah tujuh belas tahun.**
*(I am in form four but I am already seventeen years old).*

**Ali: Awak datang dari mana?**
*(Where do you come from?)*

**Peter: Saya datang dari Jerman. Maaf, saya sudah lewat sekarang.
Kita jumpa lagi.**
*(I come from Germany. Excuse me, I am late now. We meet again.)*

**Ali: Jumpa lagi.**
*(See you again)*



3. MINGGU YANG SIBUK - THE BUSY WEEK

PERBENDAHARAAN KATA - VOCABULARY

| **Bahasa Melayu** | **English** | **Bahasa Melayu** | **English** |
|---|---|---|---|
| **1. Sibuk**<br>**2. minggu** | **Busy**<br>**Week** | **14. ialah/adalah**<br>**15. juga** | **Is/are**<br>**Also** |
| **3. buat** | **Do** | **16. penuh sesak** | **Crowded** |
| **4. di atas/pada** | **On** | **17. beli-belah** | **Shopping** |
| **5. melawat/ menziarah** | **To visit** | **18. bila** | **When** |
| **6. saya punya** | **My** | **19. hanya** | **Only** |
| **7. kakak** | **Elder Sister** | **20. pawagam** | **Cinema** |
| **8. awak punya** | **Your** | **21. kesukaan** | **Favourite** |
| **9. tiap-tiap** | **Every** | **22. rancangan** | **Program** |
| **10. hari** | **Day** | **23. malam** | **Night** |
| **11. suka/gemar** | **Like/prefer** | **24. abang** | **Elder brother** |
| **12. tayangan gambar** | **Movie** | **25. kami/kita** | **We** |
| **13. mengapa** | **Why** | **26. adik** | **Younger brother/younger sister** |

**Isnin** - *Monday* **Selasa** - *Tuesday* **Rabu** - *Wednesday*

**Khamis** - *Thursday* **Jumaat** - *Friday* **Sabtu** - *Saturday*

**Ahad** - *Sunday*

Teks - Text

**A: Apakah yang awak akan buat pada hari Ahad?**
*(What are you going to do on Sunday?)*

**B: Saya akan menziarahi kakak-kakak saya.**
*(I am going to visit my sisters)*

**A: Adakah awak menziarahi kakak-kakak awak pada setiap Ahad?**
*(Do you visit your sisters every Sunday?)*

**B: Ya, saya menziarahi mereka setiap hari Ahad.**
*(Yes, I visit them every Sunday)*

**A: Pada hari Sabtu saya suka menonton tayangan gambar**.
(*I like to watch movies on Saturday)*

**B: Mengapa awak pergi menonton tayangan gamba**
*(Why do you go to the movies on Saturday?)*



**A: Pawagam sangat sesak pada hari Ahad.**
*(The cinema is crowded on Sunday)*

**B: Pada hari Sabtu saya suka pergi membeli-belah.**
*(On Satuday I like to go shopping*)

**A: Saya suka pergi membeli-belah pada hari Isnin.**
(*I like to go shopping on Monday)*

**B: Bilakah awak menonton televisyen?**
*(When do you watch television?)*

**A: Tiap-tiap hari dan keluarga saya suka rancangan televisyen pada hari Rabu**.
*(Every day and my family likes the television programs on Wednesday)*

**B: Apa awak buat pada hari Khamis**
*(What do you do on Thursday)*

**A: Pada hari Khamis hingga Jumaat saya dan adik ke rumah abang**.
*(My younger brother and I will be at my brother's house from Thursday until Friday)*

4. MENOLONG IBU SAYA- HELPING MY MOTHER

PERBENDAHARAAN KATA – VOCABULARY

| Bahasa Melayu | English | Bahasa Melayu | English |
|---|---|---|---|
| **1. tolong/ bantu** | **help** | **16. di atas/ atas** | **On top/Above/up** |
| **2. Dapur** | **Kitchen** | **17. rak pinggan** | **Plate rack** |
| **3. basuh pinggan** | **Wash dishes** | **18. di tengah-tengah** | **In the middle** |
| **4. sabun** | **Soap/detergent** | **19. cawan** | **Cup** |
| **5. where** | **Di mana** | **20. garpu** | **Fork** |
| **6. di bawah/ bawah** | **Down/under/ bottom** | **21. sudu** | **Spoon** |
| **7. singki** | **Sink** | **22. lagi** | **else** |
| **8. selepas** | **After** | **23. lap** | **Wipe** |
| **9. perlu** | **Should** | **24. meja** | **Table** |
| **10. simpan** | **Keep** | **25. buang** | **Throw** |
| **11. susun** | **Arrange** | **26. tong sampah** | **Rubbish bin** |
| **12. pinggan** | **Plate** | **27. Lupa** | **Forget** |
| **13. jangan** | **Do not** | **28. Masukkan** | **Put in** |
| **14. pagar** | **fence** | **29. Di luar** | **Outside** |
| **15. sebelum** | **before** | **30. Di tingkat** | **At level** |

<u>Teks – Text</u>



**Ibu: Boleh kamu tolong basuh pinggan di dapur?**
(*Can you help to wash the dishes in the kitchen?)*

**Tom: Tentu boleh. Di mana sabunnya**?
*(Of course. Where is the detergent?)*



**Ibu: Di bawah singki.**
**(*Under the sink)***

**Tom: Di mana perlu saya simpan pinggan-pinggan ini?**
*(Where should I keep these plates?)*

**Ibu: Susun di atas rak. Pinggan di atas, cawan di bawah, sudu dan garpu di dalam bekas di tengah-tengah rak.**
*(Arrange them on the plate rack. The plates on the top, cups at the bottom, spoon and fork in the container, in the middle of the rack.)*



**Tom: Apa lagi boleh saya buat selepas ini?**
(*What more can I do after this?)*

**Ibu: Kamu boleh tolong lapkan meja dan buangkan sampah ke dalam tong sampah.**
(*You can help to wipe the table and throw the rubbish in the bin*)



**Tom: Di mana tong sampah?**
*(Where is the rubbish bin?)*

**Ibu: Di luar pagar. Jangan lupa masukkan sampah ke dalam plastik sebelum membuangnya.**
*(Outside the fence. Do not forget to put the rubbish in the plastic before throwing it.)*



**Tom: Baiklah ibu**.
(*Okay, mother)*

5. MAKANAN- FOOD

PERBENDAHARAAN KATA – VOCABULARY

| Bahasa Melayu | English | Bahasa Melayu | English |
|---|---|---|---|
| **1. kari daging lembu** | **Beef curry** | **14. sarapan pagi** | **Breakfast** |
| **2. sedap** | **Delicious** | **15. banyak** | **A lot/many** |
| **3. masak** | **Cook** | **16. jus mangga** | **Mango** |
| **4. bau**<br>**5. hidang** | **Smell/scent**<br>**Serve** | **17. buah**<br>**20. minum** | **Fruit**<br>**Drink** |
| **6. makan tengahari** | **Lunch** | **21. sejukkan** | **To cool** |
| **7. makan** | **Eat** | **22. peti ais** | **Refrigerator** |
| **8. ayam goreng** | **Fried chicken** | **23. kopi** | **Coffee** |
| **9. sop sayur** | **Vegetable soup** | **24. merasa** | **To taste** |
| **10. ikan bakar** | **Grilled fish** | **25. sedia** | **Prepare** |
| **11. lauk** | **Dishes** | **26. panas** | **Hot** |
| **12. makanan** | **Food** | **27. air** | **Water/** |
| **13. makan malam** | **Dinner** | **28. ingin** | **Wish** |

<u>Teks – Text</u>



**Lily: Baunya sedap. Apakah yang ibu sedang masak?**
*(It smells delicious. What are cooking?)*

**Ibu: Ibu sedang masak kari daging lembu**.
(*I am cooking beef curry)*

**Lily: Apakah lauk lain yang akan dihidangkan untuk makan tengahari ini?**
*( What will be the other dishes serve for lunch today?)*



**Ibu: Kita akan makan nasi bersama kari daging, ayam goreng, sop sayur dan ikan bakar.**
(*We will eat rice with beef curry, fried chicken,* vegetable soup and grilled fish).

**Lily: Adakah kita akan makan makanan yang sama untuk makan malam?**
*(Will we be eating the same food for dinner?)*

**Ibu: Tidak. Untuk makan malam ibu akan sediakan nasi ayam. Selepas itu kita makan buah mangga.**
*(No. For dinner I will prepare chicken rice. After that we will eat mangoes*

**Lily: Ibu ada banyak buah mangga. Boleh saya buat jus buah mangga malam ini.**
*(Mother has a lot of mangoes. Can I make mango juice tonight?)*



**Ibu: Sudah tentu boleh. Adakah awak mahu minumnya juga.**
*(Of course you can. Are you going to drink it too?)*

**Lily: Ya, tetapi saya minumnya untuk sarapan pagi esok.**
**Saya akan sejukkannya dalam peti ais pada malam ini.**
*(Yes, but I will drink it for breakfast tomorrow. I will cool it in the refrigerator tonight.)*

**Ibu: Ibu ingin merasa air jus manggga Lily. Mesti sedap seperti air kopi panas yang selalu Lily sediakan.**
(*I wish to taste your mango juice. It sure will be delicious like the hot coffee that you always prepare.)*

**Lily: Terima kasih ibu. Saya akan sediakan untuk seisi keluarga**.
*(Thank you mother. I will prepare for the whole family)*



6. DI PEJABAT POS – AT THE POST OFFICE

PERBENDAHARAAN KATA – VOCABULARY

| Bahasa Melayu | English | Bahasa Melayu | English |
|---|---|---|---|
| **1. selamat pagi** | **Good morning** | **13 melalui** | **Through/via** |
| **2. berapa** | **How many/much** | **14. mel udara** | **Air mail** |
| **3. keping** | **piece** | **15. bapa** | **father** |
| **4. harga** | **Cost/price** | **16. kapal** | **ship** |
| **5. timbang** | **weigh** | **17. kedua-dua** | **both** |
| **6. surat** | **Letter** | **18. pelekat** | **sticker** |
| **7. bungkusan** | **Parcel/package** | **19. lekat** | **attach** |
| **8. hantar** | **Send** | **20. baki** | **balance** |
| **9. rasa** | **Feel** | **21.Sampul surat** | **envelope** |
| **10. setem** | **Stamp** | **22. dahulu** | **first** |
| **11. kirim** | **Send** | **23. luar negara** | **Abroad/oversea** |
| **12. bapa saudara** | **Uncle** | **24.negara/ negeri** | **country** |

<u>Teks – Text</u>






**Miki: Selamat pagi tuan.**
*(Good morning sir)*

**Kerani: Selamat pagi. Bagaimana saya boleh bantu awak pagi ini?**
(*Good morning. How can I help you this morning)*

**Miki: Saya mahu kirim surat dan hantar bungkusan ke luar negara.**
*(I want to send letter and parcel abroad.)*

**Kerani: Ke negara mana awak hendak hantar setem dan bungkusan itu?**
(*To which country do you want to send your letter and parcel?)*



**Miki: Saya mahu hantar surat kepada bapa saya di Jepun dan bungkusan kepada bapa saudara saya di Perancis.**
(*I want to send a letter to my father in Japan and a parcel to my uncle in France)*

**Kerani: Saya perlu timbang kedua-dua setem dan bungkusan awak dahulu. Boleh awak berikannya kepada saya?**
*(I have to weigh both your letter and parcel first. Can you give them to me?)*

**Miki: Ini dia surat dan bungkusan itu. Saya mahu hantar surat melalui mel udara dan bungkusan melalui kapal.**
*(This the letter and parcel. I want to send the letter through air mail and the parcel by ship.)*



**Kerani: Harga setem untuk surat awak ialah dua ringgit dan untuk bungkusan ialah sepuluh ringgit.**
(The costs of the stamp for your letter is two ringgit and for your parcel it is ten ringgit.)





Miki: Ini wang dua puluh ringgit untuk setem.
*(This is twenty ringgit for the stamps)*

**Kerani: Terima kasih. Ini setemnya, pelekat mel udara untuk dilekatkan di sampul surat dan baki wang wang awak sebanyak lapan ringgit.**
(*Thank you. This is the stamps, the air mail sticker to attach to the envelope and your balance of eight ringgit)*




**Miki: Sama-sama**
*(You are welcome)*